


Tel. : 088-369965/369971

Faks: 088-211016/422113



PEJABAT  
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI  
Jabatan Ketua Menteri  
(CHIEF MINISTER'S DEPARTMENT)  
Aras 28, Blok A,  
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah  
Jalan UMS, Teluk Likas  
88400 KOTA KINABALU  
Sabah, Malaysia

Rujukan: JKM(S) 100-4/62 Jld. 3 (37)

Tarikh: 09 Mei 2019

Semua Setiausaha Tetap Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Pihak Badan Berkanun Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri  
Semua Pegawai Daerah/Penolong Pegawai Daerah

Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan,

**GARIS PANDUAN PEMBINAAN DAN PENGURUSAN DATARAN  
PERINGATAN DAN SEUMPAMANYA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

Dengan hormatnya, perkara di atas dirujuk.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk/Tuan/Puan sedia maklum, bahawa Kerajaan Negeri mengadakan Upacara Memperingati Mangsa-Mangsa Perang, Upacara Memperingati Tragedi Double Six dan Sambutan Hari Pahlawan pada setiap tahun. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri prihatin terhadap kebajikan pegawai dan kakitangan yang beragama Islam mengenai amalan berkaitan upacara tersebut.

3. Bersama-sama ini dilampirkan keputusan **Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 2/2010 – Garis Panduan Pembinaan dan Pengurusan Dataran Peringatan dan Seumpamanya Menurut Perspektif Islam** bertarikh 21 Disember 2010 untuk rujukan selanjutnya. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Datuk/Tuan/Puan berhubung perkara tersebut amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**( DATUK SERI PANGLIMA HASHIM PAIJAN )**  
Setiausaha Kerajaan Negeri

JATI DIRI PENGGERAK WAWASAN

**RUJ : JKM(S) 100-4/62 Jld. 3 (37)**  
**TARIKH : 09 MEI 2019**  
**PERKARA : GARIS PANDUAN PEMBINAAN DAN PENGURUSAN DATARAN  
PERINGATAN DAN SEUMPAMANYA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

---

( 2 )

s.k. Sahibus Samahah Mufti Kerajaan Negeri Sabah  
Pejabat Mufti Negeri Sabah  
Aras 21, Blok A, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah  
Jalan UMS, Teluk Likas  
**88400 KOTA KINABALU**

**GARIS PANDUAN PEMBINAAN DAN PENGURUSAN DATARAN  
PERINGATAN DAN SEUMPAMANYA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

الحمد لله رب العالمين ونصلی ونسلام على سید المرسلین، وعلى آله وأصحابه أجمعین، أما بعد :

**1.0 LATAR BELAKANG**

- i. Dewasa ini, pelbagai pihak samada daripada Angkatan Tentera Malaysia, Muzuim dan seumpamanya mula mengambil pendekataan membina dataran peringatan, medan pahlawan, monument dan seumpamanya bagi pelbagai tujuan.
- ii. Tujuan pembinaan ini adalah sebagai monumen sejarah bagi mengenang jasa tokoh-tokoh dan perajurit Negara yang telah terkorban sewaktu mempertahanan agama, kedaulatan dan keamanan Negara. Di samping itu, pembinaan ini juga bagi memperingati tokoh ilmuan, akademik dan seumpamanya.
- iii. Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah bil 1/2006 M , yang telah bersidang pada 14–16 Februari 2006 M bersamaan 15–17 Muharram 1427 H, bertempat di Bilik Mesyuarat Pejabat Mufti Negeri Sabah, Kota Kinabalu, Sabah telah bersidang mengenai; "Upacara Mengingati Mangsa Perang dengan Jambangan Bunga dan Berkabung" dan bersetuju memutuskan bahawa;
  1. Meraikan Program Hari Pahlawan atau Mangsa Perang dengan bacaan Al-Quran dan doa tidak bertentangan di sisi syarak.
  2. Adapun meletakkan jambangan bunga, bertafakur sejenak, bacaan sajak, atau membunyikan sebarang peralatan muzik di

## Sulit

Garis Panduan Pembinaan dan Pengurusan Dataran Peringatan  
Dan Seumpamanya Menurut Perspektif Islam

---

**hadapan tugu peringatan atau di tanah perkuburan berkenaan adalah ditegah dan HARAM di sisi Syarak untuk dilaksanakan.**

3. Meletakkan **Jambangan bunga** di tanah perkuburan sebagaimana yang dilakukan oleh orang-orang bukan Islam seperti hindu dan kristian juga adalah **di tegah dan larang** di sisi Syarak kerana ia merupakan amalan bid'ah yang boleh membawa khurafat dan syirik kepada Allah SWT.
- iv. Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Negeri Sabah, bil 1/2008 telah bersidang pada 13 dan 14 Mei 2009 Miladiah/18-19 Jamadilawal 1430 Hijriah, bertempat Bilik Persidangan, Balai Cerap al-Biruni Negeri Sabah, Kota Kinabalu, Sabah mengenai "**Hukum Pembinaan Monumen Peringatan Bagi Angkatan Tentera Malaysia**" dan bersetuju **memutuskan** bahawa;
  1. Pembinaan monumen oleh pihak ATM atau mana-mana pihak yang hanya mengandungi ukiran nama dan diukir bentuk selain daripada patung manusia dan haiwan adalah diharuskan.
  2. Nama yang dicadangkan seperti Dataran Pahlawan, Medan Peringatan atau sebagainya boleh diterimapakai bagi mengelakkan kekeliruan dan salah faham umat Islam tentang istilah monumen/tugu.
  3. Acara-acara yang telah difatwakan haram dan yang bertentangan dengan Syarak tidak dibenarkan di hadapan monumen/tugu (kawasan dataran) tersebut.
  4. Manakala acara-acara yang dibenarkan oleh Syarak seperti doa selamat, bacaan Yasin, tahlil, dan lain-lain tidak boleh dilakukan di

hadapan monumen/tugu (kawasan dataran) sebaliknya dilakukan di tempat yang lain seperti dalam bangunan yang berhampiran atau di masjid dan sebagainya.

## 2.0 KANDUNGAN GARIS PANDUAN

- a. Takrif
- b. Bentuk Pembinaan Dataran/Medan Pahlawan
- c. Nama Dataran/Medan Pahlawan
- d. Acara-acara yang dibenarkan dan yang tidak dibenarkan
- e. Kesimpulan

### 1. Takrif

#### 1.1 Dataran

Maksud dataran ialah kawasan (tempat, tanah) yang datar. Maksud yang kedua ialah padang atau lapangan. (*Kamus Dewan Bahasa, Edisi Keempat, Tahun 2004*).

#### 1.2 Medan

Maksud medan ialah tanah lapang, padang, arena, kawasan, lapangan dan lingkungan. Maksud yang kedua ialah kawasan yang terhad (untuk sesuatu). (*Kamus Dewan Bahasa, Edisi Keempat, Tahun 2004*).

#### 1.3 Peringatan

Maksud peringatan ialah sesuatu yang digunakan untuk memperingati atau mengenang sesuatu; kenang-kenangan. (*Kamus Dewan Bahasa, Edisi Keempat, Tahun 2004* ).

Oleh yang demikian dataran atau medan peringatan ialah sesuatu padang, lapangan atau kawasan yang dibina untuk memperingati sesuatu atau mengenang sesuatu.

## 1.4 Tugu

Maksud tugu ialah tiang besar dan tinggi yang dibina daripada batu dan lain-lain. Tugu peringatan ialah tiang batu yang dibina untuk memperingati sesuatu (keguguran pahlawan dalam peperangan dll) (*Kamus Dewan Bahasa, Edisi Keempat, Tahun 2004*).

## 1.5 Monumen

Bangunan (patung dan lain-lain) yang dibina untuk memperingati seseorang atau sesuatu peristiwa penting (*Kamus Dewan Bahasa, Edisi Keempat, Tahun 2004*).

## 1.6 Batu Tanda

Batu yang menunjukkan peristiwa penting dalam sejarah, kehidupan dan lain-lain (*Kamus Dewan Bahasa, Edisi Keempat, Tahun 2004*).

## 1.7 Last Post

Lagu *last post* dimainkan apabila pegawai selesai memeriksa post kawalan terakhir dan menandakan keadaan selamat dan aktiviti harian boleh ditamatkan pada hari itu dengan selamat.

**1.8 Rouse**

Tiupan untuk menaikkan bendera.

**2. Bentuk Pembinaan Dataran Peringatan Dan Seumpamanya**

- 2.1** Pada masa kini, kebanyakan Dataran Peringatan dan seumpamanya mempunyai pelbagai bentuk seperti bentuk patung (manusia atau haiwan), bangunan, batu-batan (batu bersurat) dan sebagainya. Para ulama dan fuqaha seperti Imam al-Nawawi, Ibnu al ‘Arabi, Syeikh Hasanain Muhammad Makhluf (mantan mufti negara Mesir), Dr. Yusuf al-Qardawi dan lain-lain lagi melarang perbuatan mengukir dan memahat patung. Banyak hadith yang melarang perkara yang sedemikian antaranya ialah:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ إِنَّ أَشَدَ النَّاسِ عَذَابًا عِنْدَ اللَّهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ الْمُصْوَرُونَ

(رواه البخاري)

Maksudnya "Daripada Abdullah berkata aku mendengar Nabi S.A.W bersabda: Sesungguhnya orang yang paling berat siksaannya nanti di Hari Kiamat ialah orang yang membuat gambar (patung). (Riwayat al-Bukhari)

- 2.2** Muzakarah Fatwa Kebangsaan Kali Ke-86 yang telah bersidang pada 21-23 April 2009 telah memutuskan bahawa pembinaan dataran peringatan dan seumpamanya oleh pihak ATM atau mana-mana pihak yang hanya mengandungi **ukiran nama** dan **diukir bentuk selain daripada patung (manusia dan haiwan)** adalah diharuskan kerana tujuannya hanya sebagai peringatan sahaja dan bukan untuk diagung-agungkan.

## Sulit

Garis Panduan Pembinaan dan Pengurusan Dataran Peringatan  
Dan Seumpamanya Menurut Perspektif Islam

---

- 2.3** Oleh yang demikian, pembinaan dataran peringatan dan seumpamanya oleh mana-mana pihak yang berbentuk patung atau (manusia dan haiwan) serta apa-apa bentuk yang bertentangan dengan syarak adalah **diharamkan** dan **tidak dibenarkan sama sekali**.
- 2.4** Apa-apa binaan dan ukiran **selain** daripada **bentuk patung (manusia dan haiwan) serta yang bertentangan dengan syarak** adalah **dibenarkan**. Di antara **contoh-contoh bentuk binaan** dan **ukiran yang dibenarkan** bagi dataran peringatan dan seumpamanya adalah seperti berikut:
- i. **Batu Bersurat** (sejarah sesuatu tempat).
  - ii. **Batu yang diukir nama** (perajurit Negara, ilmuwan dan sebagainya), kata-kata hikmah dan sebagainya yang tidak mempunyai unsur-unsur yang bertentangan Islam.
  - iii. **Monumen bangunan** (bangunan bersejarah, masjid) dan sebagainya yang tidak bertentangan dengan Islam.
  - iv. **Monumen bunga dan tumbuhan** seperti monumen alaf baru kebangsaan yang berbentuk bunga raya dan sebagainya.
  - v. **Binaan** yang **melambangkan** sesuatu **kesenian** seperti tugu keris di Klang.
  - vi. Binaan berkenaan **bukan** bertujuan **untuk pemujaan**.

- 2.5** Sebarang bentuk binaan Dataran Peringatan dan seumpamanya **tidak melibatkan kos yang tinggi** sehingga menyebabkan berlakunya pembaziran wang Negara ataupun mana-mana pihak.
- 2.6** Sebarang bentuk binaan Dataran Peringatan yang **bertujuan untuk pemujaan** atau dibina **menggunakan bahan yang diharamkan syarah** adalah **dilarang** sama sekali.

### 3. Nama Dataran/Medan

- 3.1** Mana-mana pihak yang terlibat dengan pembinaan dan pengurusan dataran boleh meletakkan apa-apa sahaja nama selagi nama tersebut **tidak menunjukkan makna yang tidak elok dan bertentangan dengan syarak**. Bagi mengelakkan kekeliruan dan salah faham masyarakat berkaitan dengan istilah tugu dan monumen yang selalu dikaitkan dengan patung, maka **contoh nama** yang disyorkan adalah seperti berikut:
- i. **Dataran** Peringatan/Pahlawan/Ilmu/Bandaraya/Sejara dan lain-lain lagi.
  - ii. **Medan** Peringatan/Pahlawan/Ilmu/Bandaraya/Sejara dan lain-lain lagi.
  - iii. **Mercu** Peringatan/Pahlawan/Ilmu/Bandaraya/Sejara dan lain-lain lagi.

**4. Acara-Acara Yang Tidak Dibenarkan Dan Yang Dibenarkan Oleh Syarak**

**Acara Yang Tidak Dibenarkan :**

Berdasarkan kepada keputusan MJKF ke-19, 40 dan 86 jelas menunjukkan bahawa **tidak ada apa-apa upacara seperti Majlis Peringatan termasuk Majlis Bacaan Yasin, Tahli, Doa Selamat dan sebagainya yang boleh dilakukan di hadapan binaan (tugu dan monumen) dan kawasan sekitar dataran tersebut.** Di antara contoh acara-acara yang **tidak dibenarkan:**

- a. **Pemujaan.**
- b. **Acara menepung tawar.**
- c. **Bertafakur.**
- d. **Meletakkan kalungan bunga.**
- e. **Bacaan sajak.**
- f. **Nyanyian.**
- g. **Tiupan “*Last Post*”.**
- h. **Tiupan “*Rouse*”.**
- i. **Berdoa.**
- j. **Memberi tabik hormat; dan**

- k. **Acara-acara lain yang bercanggah dengan Islam, *tasyabhu* (menyerupai) amalan masyarakat Jahiliyyah dan boleh membawa kepada syirik.**

**Acara-Acara Yang Dibenarkan:**

Mana-mana pihak yang ingin menganjurkan apa-apa acara yang dibenarkan syarak, maka acara tersebut **tidak boleh diadakan di hadapan binaan sebaliknya mestilah diadakan di luar daripada kawasan dataran peringatan dan seumpamanya atau di tempat berasingan**. Oleh yang demikian, acara-acara yang dibenarkan boleh diadakan di tempat-tempat yang berikut sebagai contoh:

- a. Mengadakan **Majlis Bacaan Yasin, Tahlil dan Doa Selamat di masjid**.
- b. Mengadakan **Majlis Penghargaan Memperingati Tokoh-tokoh akademik, ekonomi dan sebagainya di dewan**.
- c. Mengadakan **Sambutan Hari Ulang Tahun Penubuhan dan Kenangan Hari Bersejarah** di mana-mana tempat luar kawasan dataran.

Disamping itu, dianjurkan **cadangan bagi** pihak yang terlibat secara khusus dengan acara tahunan sebagai contoh ATM, Polis dan lain-lain seperti berikut:

- a. Mengadakan **Majlis Bacaan Yasin, Tahlil dan Doa Selamat Perdana di masjid atau di tanah perkuburan** sempena memperingati Hari Pahlawan.

## Sulit

Garis Panduan Pembinaan dan Pengurusan Dataran Peringatan  
Dan Seumpamanya Menurut Perspektif Islam

b. Mengadakan **Majlis Makan Malam Perdana Peringkat Nasional**.

Majlis tersebut boleh dipenuhi dengan acara-acara seperti berikut :

- i. Bacaan doa.
- ii. Bacaan sajak.
- iii. Nyanyian lagu patriotik.
- iv. Penganugerahan Tokoh Pahlawan.
- v. Penghargaan kepada waris perajurit-perajurit negara yang terkorban sewaktu menjalankan tugas negara.
- vi. Tayangan multimedia Tokoh Pahlawan; dan
- vii. Acara-acara lain yang bersesuaian dan tidak bertentangan dengan syarak.

c. Mengadakan **Majlis Perbarisan Memperingati Perajurit Negara**.

Majlis tersebut boleh diadakan di Padang Kawad dengan **syor pengisian acara-acara** seperti:

- i. Bacaan doa.
- ii. Ucapan Kolonel YDP RAMD, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Panglima ATM dan wakil bagi waris perajurit negara yang terkorban.
- iii. Bacaan sajak.

## Sulit

Garis Panduan Pembinaan dan Pengurusan Dataran Peringatan  
Dan Seumpamanya Menurut Perspektif Islam

---

---

- iv. Nyanyian lagu patriotik.
- v. Membuat persembahan kawad serta memberi tabik hormat pada waris perajurit negara yang telah terkorban.
- vi. Penganugerahan Tokoh Pahlawan.
- vii. Penghargaan kepada waris perajurit-perajurit negara yang terkorban sewaktu menjalankan tugas negara.
- viii. Tayangan multimedia Tokoh Pahlawan; dan
- ix. Acara-acara lain yang bersesuaian dan tidak bertentangan dengan syarak.

## KESIMPULAN

- 5. Garis Panduan ini diharap dapat memberikan panduan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam pembinaan dan pengurusan Dataran Peringatan dan seumpamanya agar mematuhi fatwa yang telah ditetapkan supaya ianya selaras dengan nilai-nilai syariat dan akhlak Islam.

### 3.0 KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH

Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Negeri Sabah, bil 2/2010 telah bersidang pada **21 Disember 2010 Miladiah/15 Muharram 1432 Hijriah**, bertempat **Bilik Teratai, Hotel Promenade, Kota Kinabalu Sabah** bersetuju untuk:

**memperakukan garis panduan ini untuk dijadikan panduan kepada pihak-pihak terlibat dalam pembinaan dan pengurusan Dataran Peringatan dan seumpamanya.**